

Malaysia sokong kurangkan pengeluaran minyak

UM 20/12

KUALA LUMPUR 19 Dis. - Malaysia menyokong keputusan Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) untuk mengurangkan pengeluaran minyak dunia dengan harapan harga komoditi itu kembali stabil dan bermanfaat kepada negara-negara pengeluar minyak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, sokongan itu diluahkan dalam mesyuarat yang diadakan antara OPEC bersama ahli bukan OPEC termasuk Malaysia di Vienna, Austria dua minggu lalu.

Beliau berkata, sokongan Malaysia itu dibuat kerana berpendapat harga minyak yang terlalu rendah bakal menjejaskan rancangan ekonomi dalam kalangan

negara-negara pengeluar.

"Malaysia memberi sokongan moral agar harga minyak dunia kembali stabil. Setiap negara pengeluar minyak mahukan kepastian untuk membangunkan ekonomi masing-masing.

"Jika harga minyak terlalu rendah, banyak perbelanjaan sosial terpaksa dikurangkan. Cabaran kini adalah untuk menunggu bagaimana respon pengeluar-pengeluar minyak syal di Amerika Syarikat (AS)," katanya selepas melancarkan laporan Petunjuk Ekonomi Malaysia yang dikeluarkan oleh Bank Dunia di sini hari ini.

Selain Malaysia, negara-negara bukan OPEC yang terlibat di dalam mesyuarat itu ialah Azerbaijan, Bahrain, Bolivia, Brunei, Equato-

rial Guinea, Kazakhstan, Mexico, Oman, Sudan dan Sudan Selatan.

Mesyuarat itu menyaksikan bukannya ahli OPEC sebulat suara ber-setuju mengurangkan 558,000 tong minyak sehari bermula 1 Januari depan, susulan keputusan OPEC dan Rusia yang sebelum itu mahu mengurangkan lebih 1.2 juta tong sehari.

Abdul Rahman bagaimanapun tidak memberi anggaran jumlah minyak yang bakal dikurangkan oleh Malaysia kerana masih menunggu keputusan penuh ahli-ahli OPEC dan bukan OPEC secara individu. Bank AS, Morgan Stanley bagaimanapun menjangka Malaysia mengurangkan 20,000 tong minyak sehari.

Beliau pada masa sama men-gakui, keputusan itu berisiko kerana memberi kesan terhadap pendapatan kerajaan yang dijana daripada industri minyak dan gas (O&G).



ABDUL RAHMAN DAHLAN